

Sudah kena serbu, tak makan saman!

Oleh Nurul Hidayah
Bahaudin
nurul.hidayah@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Meskipun sudah diserbu sebelum ini, namun penjaja *steamboat* di hadapan stesen LRT Ampang Park dan peniaga di Jalan Haji Hussein, di sini, ternyata tidak serik apabila masih berniaga tanpa lesen di kawasan berkenaan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan di Facebook semalam memaklumkan, pihaknya menerusi Jabatan Penguatkuasaan dan Pejabat Cawangan Titiwangsa melaksanakan Tindakan Khas Aktiviti Penjaja Tanpa Lesen dan Penjaja Warga Asing.

Katanya, operasi itu dijalankan di sekitar Jalan Haji Hussein dan Jalan Ampang yang terletak di hadapan stesen transit aliran ringan (LRT) Ampang



ANGGOTA penguat kuasa DBKL menyita barangan penjaja *steamboat* di hadapan stesen LRT Ampang Park.

Park, kelmarin.

“Tindakan khas ini dibuat secara mengejut melalui pemeriksaan dan tindakan penguatkuasaan ke atas aktiviti perniagaan dan penjajaan.

“Ini termasuk penjaja makanan, minuman dan lain-lain aktiviti yang

membuat kesalahan menjalankan perniagaan tanpa lesen, salah guna lesen, halangan tred perniagaan di tempat awam serta penjaja warga asing,” katanya.

Menurutnya, melalui tindakan khas dijalankan, DBKL membuat enam tindakan sita dan pindah ba-

rangan atau peralatan yang diletakkan di tempat awam terhadap pemilik restoran mahupun gerai.

“Selain itu, tindakan itu juga diambil terhadap penjaja tanpa lesen membatalkan individu tempatan dan warga asing atas kesalahan mengikut Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 serta Undang-Undang Kecil (UUK) Pelesenan Penjaja (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2016.

“Tindakan khas diambil adalah kali kedua dijalankan di lokasi sama dengan operasi pertama dilakukan pada 18 Januari lalu.

“Antara peralatan yang disita adalah kerusi meja, payung lipat, skuter elektrik, kenderaan *steamboat* atau ‘lolo’ dan lain-lain,” katanya.

Katanya, barangan dan peralatan yang disita itu dibawa ke Setor Sitaan DBKL Jalan Lombong, Taman Miharja Cheras untuk rekod penyimpanan sementara serta dokumentasi.



ANTARA barangan yang disita DBKL dalam tindakan khas dilakukan di hadapan stesen LRT Ampang Park dan Jalan Haji Hussein, Kuala Lumpur.